

EPA

ERIC PRINGLE ASSOCIATES PUBLIC RELATIONS SDN BHD

Public Relations Consultants. Affiliated worldwide with TAG (The Advocacy Group)

(256153-P)

MEDIUM: BERNAMA – Ekonomi

DATE : November 28, 2006

OGA 2007 Disertai 800 Syarikat Dari 50 Negara

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Pameran Minyak, Gas dan Petrokimia Asia ke-11 (OGA 2007) yang akan diadakan dari 13 hingga 15 Jun, 2007 dijangka menarik penyertaan 800 syarikat dari 50 negara dan 18,000 pelawat perdagangan.

Dalam satu kenyataan di sini, Selasa, Malaysian Exhibition Services Sdn Bhd (MES), penganjur pameran itu, berkata OGA 2007 merupakan pameran antarabangsa penting yang memenuhi keperluan industri minyak dan gas serantau.

"Ia akan memperagakan teknologi dan perkhidmatan bertaraf dunia dalam bidang cari gali, pengeluaran dan pengangkutan dalam industri minyak, gas dan petrokimia. Ia adalah platform yang sangat baik bagi mereka yang menceburi industri ini untuk mengetahui maklumat terkini dari segi teknologi," kata Pengurus Besar MES, Ian Roberts.

Roberts berkata OAG 2007 dijangka 25 peratus lebih besar daripada pameran tahun lepas dan akan menyaksikan anggaran 18,000 pengunjung perdagangan.

Beliau berkata, sebelum pameran itu, Petroliam Nasional Bhd akan menganjurkan Persidangan Minyak dan Gas Asia (AOGC 2007) dari 10 hingga 12 Jun.

"Ini akan mewujudkan platform perniagaan yang unik dan tinggi impaknya bagi peserta industri di dalam dan luar negara," katanya.